

18 MAR 2000

LEAD Mahathir-Umno

DR MAHATHIR MELEPASI SYARAT TANDING PRESIDEN UMNO

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepasi syarat kelayakan untuk bertanding jawatan presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini setelah memperolehi empat lagi pencalonan hari ini menjadikan 51 kesemuanya setakat ini.

Keempat-empat bahagian yang bermesyuarat hari ini iaitu Bakri di Johor serta Beaufort, Libaran dan Tenom, semuanya di Sabah, telah mencalonkan Dr Mahathir bagi jawatan itu.

Umno mensyaratkan seseorang calon bagi jawatan presiden mendapat pencalonan daripada sekurang-kurangnya 30 peratus atau 50 daripada 165 bahagian.

Setakat ini, 52 bahagian telah bermesyuarat. Satu lagi bahagian, Tanah Merah di Kelantan, telah mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah untuk jawatan presiden Umno dan juga timbalan presiden Umno.

Sebanyak 25 bahagian lagi dijadual mengadakan mesyuarat perwakilan mereka esok.

Keempat-empat bahagian yang bermesyuarat hari ini turut mencalonkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan timbalan presiden parti.

Abdullah yang kini memperolehi 51 pencalonan telahpun melepasi syarat kelayakan sebelum ini, kerana bagi jawatan itu, seseorang calon memerlukan 33 pencalonan atau 20 peratus daripada jumlah bahagian.

Bagi jawatan naib presiden pula, kesemua empat bahagian itu mencalonkan Datuk Seri Najib Razak, menjadikan 49 pencalonan yang beliau terima setakat ini.

Syarat kelayakan ialah 17 pencalonan atau 10 peratus daripada jumlah bahagian.

Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam pula memperolehi tiga pencalonan daripada ketiga-tiga bahagian negeri itu menjadikan 15 pencalonan yang diterimanya setakat ini.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman mendapat dua pencalonan iaitu dari Bahagian Bakri dan Beaufort dan jumlah pencalonan yang diperolehi setakat ini ialah 31.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Samad turut mendapat dua pencalonan iaitu daripada Bahagian Bakri dan Tenom menjadikan 12 pencalonan yang diperolehinya setakat ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula mendapat satu pencalonan dari bahagian Libaran dan jumlah pencalonan yang diperolehi setakat ini ialah 12.

Jumlah pencalonan bagi calon-calon lain bagi jawatan naib presiden tidak berubah.

Yang turut melepasi syarat kelayakan bertanding hari ini ialah Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman bagi jawatan Ketua Pergerakan Wanita Umno apabila beliau memperolehi tujuh lagi pencalonan menjadikan jumlah pencalonannya 38.

Calon-calon Ketua Pergerakan Wanita Umno disyaratkan memperolehi 33 percalonan bagi melayakkan diri bertanding.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang mencabar Dr Siti Zaharah telah melepasi syarat kelayakan bertanding pada minggu lepas, mengumpul 53 pencalonan setakat ini.

Seorang lagi calon yang turut melepasi syarat bertanding hari ini ialah Ainon Khairiyah Mohd Abas, yang memperolehi 28 pencalonan setakat ini, lebih dua daripada syarat 26 pencalonan yang ditetapkan bagi melayakkan

diri bertanding jawatan naib ketua Pergerakan Wanita Umno.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil sudah mengumpul 54 pecalonan bagi jawatan Naib Ketua Pergerakan Wanita, manakala penyandang jawatan itu Datuk Napsiah Omar pula mengumpul sembilan pencalonan setakat ini.

Sementara itu Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Tun Hussein terus mendapat pencalonan bagi jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno dengan mengumpul 96 pencalonan setakat ini, menokok 15 pencalonan hari ini.

Calon lain bagi jawatan Ketua Pemuda ialah Ketua Pemuda bahagian Tanjung, Raja Munir Raja Mustapha kekal dengan satu pencalonan.

Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir pula mengumpul 74 pencalonan setakat ini bagi jawatan Naib Ketua Pergerakan Pemuda manakala calon-calon lain Zein Isma Ismail (17), Mustafa Khalid (5) dan Zahidi Zainul Abidin kekal dengan satu pencalonan.

-- BERNAMA
AFY ARA FAZ